

MENGASUH SEKS DALAM TALIAN

Perbuatan membina hubungan emosi dan kepercayaan dengan kanak-kanak di bawah umur melalui talian, biasanya bagi tujuan eksploitasi, kepuasan atau penyalahgunaan seksual. Platform ini merangkumi forum, kumpulan chat, media sosial dan platform pesanan teks.



BAGAIMANAKAH IA TERJADI?



- Pemangsa dalam talian boleh mendekati kanak-kanak melalui maklumat yang mereka kongsi di platform-platform dalam talian ini, terutamanya jika maklumat tersebut berkaitan dengan tempat-tempat yang mereka kunjungi atau sekolah yang mereka hadiri.
- Pemangsa juga mungkin menyertai kumpulan hobi secara kerap untuk menjalin hubungan dengan kanak-kanak di bawah umur.
- Kadang kala, pemangsa berusaha untuk memerangkap - tindakan berpura-pura sebagai orang lain dalam talian untuk menjalin hubungan. Mereka sering memilih untuk menyamar identiti yang hampir dengan usia kanak-kanak di bawah umur tersebut, untuk menjalin pertalian yang lebih erat.
- Mereka sering mengambil kesempatan di atas sikap naif kanak-kanak di bawah umur terhadap tingkah laku seksual dan mudah untuk menerima hadiah dan kemesraan. Pemangsa juga boleh memberikan maklumat yang salah mengenai topik berkaitan kelakuan dan aktiviti seksual.
- Setelah membina kepercayaan dengan mangsa mereka, pemangsa kemudian akan menghalakan perbualan ke arah topik-topik seksual, dan menipu kanak-kanak di bawah umur tersebut untuk terlibat dalam aktiviti seksual dalam talian atau mengatur pertemuan secara langsung.
- Mereka bahkan mungkin memaksa dan mengancam mangsa secara emosi supaya kanak-kanak tersebut berasa tertekan untuk mematuhi.

KENAPA SAYA PERLU TAHU?

- Menurut laporan tahun 2018 oleh badan pemikir pendidikan digital DQ Institute, kanak-kanak berusia antara 8 hingga 12 tahun di Singapura berisiko menjadi sasaran pemangsa seksual.
- 16% kanak-kanak di Singapura telah terlibat dalam tingkah laku seksual dalam talian, seperti telah mencari, dan/atau mengunjungi laman-laman web dengan kandungan seksual, dan/atau mengadakan perbualan seksual dalam talian dengan orang yang tidak dikenali.
- 12% telah berbual dan bertemu dengan orang yang tidak dikenali dalam talian secara langsung.

#JadiBijak

Hati-hati Apa Yang Anda Kongsi Dalam Talian

Disokong oleh:




Dibantu oleh:

SG:D | GET READY!



BAGAIMANA SAYA BOLEH TAHU JIKA ANAK SAYA SEDANG DIASUH UNTUK SEKS DALAM TALIAN?



**MUNGKIN SUKAR UNTUK MENGESAN TANDA-TANDANYA,
KERANA KANAK-KANAK YANG MENJADI MANGSA BIASANYA
AKAN MERAHSIAKANNYA. BAGAIMANAPUN, ANDA BOLEH
PERHATIKAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU YANG BERIKUT:**

- Mereka mungkin menghabiskan lebih banyak masa dalam talian dan sukar untuk menjauhkan diri daripada telefon bimbit atau platform media sosial mereka.
- Mereka mungkin terlalu berahsia tentang interaksi dalam talian mereka dengan orang lain, dan menentang keras ibu bapa mereka daripada memeriksa perbualan dalam talian mereka.



- Mereka mungkin menerima hadiah seperti pakaian, telefon atau wang tunai yang berlebihan yang mereka tidak mampu atau tidak dapat jelaskan.

- Mereka mungkin menunjukkan tingkah laku yang ganjil seperti pergi ke tempat-tempat yang jauh atau terpencil untuk bertemu dengan rakan-rakan.
- Mereka mungkin menggunakan bahasa seksual yang ibu bapa mereka tidak jangka mereka tahu.
- Mereka juga mungkin menunjukkan ciri-ciri yang ganjil seperti suka menyendiri, keresahan, kemurungan, kekasaran atau sukar untuk berenggang.



#JadiBijak

**Hati-hati Apa Yang Anda
Kongsi Dalam Talian**

Disokong oleh:



Dibantu oleh:


SG:D | GET READY!



APAKAH YANG BOLEH DILAKUKAN JIKA SAYA SYAK ANAK SAYA SEDANG DIASUH UNTUK SEKS DALAM TALIAN

- Elak daripada menunjukkan reaksi yang keterlaluan kerana ini boleh membuat anak anda menjauhi anda dan mengelak daripada mengadu kepada anda. Yakinkan mereka bahawa anda akan menyokong mereka.
- Minta untuk melihat perbualan anak anda dengan individu yang berkenaan dan jelaskan bahawa anda ingin memahami apa yang telah terjadi di antara mereka.
- Laporkan kepada polis jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa anak anda telah dieksploitasi atau dipersiapkan untuk seks. Pastikan keselamatan alat peranti di mana interaksi dalam talian tersebut telah terjadi dan kumpulkan bukti.
- Ibu bapa juga boleh menghubungi talian TOUCH Cyber Wellness di 1800 377 2252 untuk berbual dengan kaunselor yang pakar dalam isu-isu berkaitan belia.

BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MELINDUNGI ANAK SAYA DARIPADA DIASUH UNTUK SEKS DALAM TALIAN?



- Pastikan anak anda tahu apa yang mereka kongsi dalam talian, dan mereka tidak berkongsi maklumat peribadi yang sensitif di platform media awam dan sosial, atau dengan orang yang mereka kenali dalam talian.
- Ibu bapa juga harus tahu bahawa apa sahaja yang anda kongsi dalam talian tentang anak-anak anda menambah kepada jejak digital mereka.
- Pemangsa boleh mengumpulkan maklumat peribadi daripada pelbagai pos, foto dan video yang dikongsi.



#JadiBijak

Hati-hati Apa Yang Anda Kongsi Dalam Talian

Disokong oleh:



Dibantu oleh:

SG:D | GET READY!





- Awasi penggunaan dan aktiviti dalam talian mereka dengan teliti, dan ketahui lebih lanjut tentang platform-platform yang mereka gunakan.
- Pertimbangkan untuk menggunakan kawalan ibu bapa di alat peranti mereka jika anak anda masih kecil.
- Terangkan kepada anak anda bahawa menerima e-mel, mesej atau membuka fail daripada orang yang tidak dikenali adalah bahaya kerana ia mungkin mengandungi virus atau mesej yang tidak diingini.
- Ajar anak anda bahawa bertemu dengan seseorang yang baru mereka temui dalam talian adalah bahaya. Mereka harus meminta kebenaran ibu bapa untuk berbuat demikian dan sebaiknya, anda turut hadir.

- Didik anak anda tentang seks, menggunakan kandungan yang sesuai dengan usia.
- Ajarkan mereka cara-cara menetapkan batas untuk melindungi diri mereka daripada perbuatan seksual dan hubungan fizikal yang tidak sesuai.
- Bina hubungan saling mempercayai dengan anak anda agar mereka terbuka untuk membincangkan aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan dengan anda. Ini membolehkan anda memantau aktiviti anak anda, tanpa mereka merasa seperti anda sedang mengawasi mereka.
- Yakinkan anak anda bahawa jika mereka merasa tidak selesa, bimbang atau terancam pada bila-bila masa sahaja, mereka boleh berjumpa anda untuk mendapatkan bantuan.



#JadiBijak

Hati-hati Apa Yang Anda Kongsi Dalam Talian

Disokong oleh:



Dibantu oleh:

SG:D | GET READY!

